

**Soalan No: 15**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH  
PAIRIN KITINGAN [ KENINGAU ]

**TARIKH :** 20.3.2017

**SOALAN :**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada beliau sedar bahawa SK Bulu Silau dan SK Bariawa Ulu yang jaraknya hanya 1 kilometer dari bandar Keningau telah usang dan dalam keadaan uzur, bolehkah Kementerian mengambil tindakan demi memperbaiki keadaan berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum akan keadaan sekolah-sekolah yang dinyatakan. Jabatan Pendidikan Negeri Sabah juga telah memohon peruntukan pembaikan dan penyelenggaraan bagi sekolah-sekolah kritikal di Sabah. KPM akan melaksanakan pembaikan sekolah daif di Sabah secara berperingkat-peringkat berdasarkan peruntukan dan kemampuan kewangan semasa kerajaan.